

Menggantikan Gigi Yang Hilang

PUSAT PERGIGIAN U 优牙科中心 U DENTAL CENTER

- ❑ **Taman U 大学城** : 26A, Jalan Kebudayaan 1, Taman Universiti, 81300 SKUDAI. Tel/Fax:607-521 1111, 607-5208508. SMS: 6014-888 9000
- ❑ **Bukit Indah 武吉英达** :30A, Jln. Indah 16/5, Taman Bukit Indah, 81200 Johor Bahru. Tel: 07-232 GIGI, 07-232 4444, SMS:6 014-9 900 900
- ❑ **Taman Sentosa 新山 大丰** : 25A, Jalan Sutera, Taman Sentosa, 80150 Johor Bahru. Tel : 07-3333 000 SMS: 6014 800 2000
- ❑ **UDA/Tampoi 新山 乌达/淡杯** : 39-01,Jalan Padi Emas 1/3, Uda Business Center, Bandar Baru UDA, 81200 Johor Bahru Tel:607-2 444 666 HP:016-6 800100
- ❑ **Taman Molek 百合** : 84-01, Jalan Molek 2/2, Taman Molek, 81100, Johor Bahru. Tel : 016-6 300 500


www.gigi.my info@gigi.my

U DENTAL PATIENT INFORMATION: EMPOWERING YOU TO MAKE INFORMED DECISION

PENDAHULUAN

Manusia mempunyai dua set gigi, iaitu gigi susu dan gigi kekal. Antara umur 6 hingga 12 tahun, gigi susu beransur-ansur digantikan oleh gigi kekal. Jikalau gigi kekal hilang atau dicabut kerana lubang gigi, penyakit gusi ataupun kecederaan, satu celah/ruang akan terjadi.

MENGAPA PERLU MEMBAIK-PULIH GIGI



Jika gigi hilang tanpa dibaik-pulih, kecantikan seseorang mungkin terganggu; menyebabkan gerakan/ganjakan gigi setentang(1) dan bersebelahan (3), juga menyusahkan pemakanan dan pertuturan. Perbersihan gigi mungkin lebih sukar yang seterusnya menyebabkan penyakit gigi (4) dan gusi(6). Tulang akan mengecut (2) jadi buat gigi palsu (atau tanam gigi) menjadi lebih susah dan hasilnya mungkin tidak memuaskan.

CARA MEMBAIK-PULIH GIGI

Secara ringkas boleh dibahagikan kepada dua jenis: iaitu yang boleh ditanggalkan oleh pesakit sendiri ataupun yang tidak boleh ditanggalkan oleh pesakit.

A) BOLEH DITANGGAL

1)Gigi palsu Boleh dibahagikan kepada tiga jenis berdasarkan bahan yang digunakan untuk membuat landas/asas/tapak gigi iaitu:



i.) **Plastik biasa**— lebih mudah dibuat, lebih murah tetapi lebih rapuh.
Kos >RM150.



ii.) **keluli/logam** –logam tidak berkarat, lebih keras dan boleh dibuat sangat nipis, lebih selesa tetapi kos lebih tinggi.
Kos >RM450.



iii.) **plastik LEMBUT** boleh dibengkokkan, tidak perlu cangkuk keluli, lebih selesa tetapi kos lebih tinggi.
Kos >RM380.


Tidak kira asas/landas/tapak yang digunakan adalah plastik atau logam, gigi yang dipakai biasanya plastik yang berwarna gigi. Gigi palsu mungkin perlu dibuat sebiji, tetapi jika tiada gigi langsung, 14 batang gigi mungkin diperlukan pada satu rahang.

Bergantung kepada keadaan tulang dan gigi, gigi palsu yang boleh ditanggal mungkin lebih longgar atau kurang daya gigitan.

Tulang yang menyokong gigi palsu akan beransur-ansur kecut dan pembuatan gigi palsu baru diperlukan.

B)TIDAK BOLEH DITANGGAL

1)Jambatan Gigi



Implan biasanya dikenali sebagai 'tanam gigi'. Dengan mengisar (mengecil) gigi di sebelah celah/ruang gigi, dan gigi-gigi yang telah dikisar disambung /sarung dengan gigi buatan.
Kos Anggaran: RM580-980 sebiji gigi beraantuna kepada bahan diaunakan.

Jambatan ditetapkan/disemenkan pada gigi, pesakit tidak boleh menanggalkannya.

- ◆ Keabakan: lebih teguh, gigitan lebih baik.
- ◆ Keburukan: gigi asli perlu dikisar.

Jenis bahan gigi yang biasa dipakai:

- 1)asas logam dan porcelain
- 2)porcelain sahaja (lebih cantik)
- 3.)Plastic khas


2) **Implan**— Jika ada gigi telah hilang tetapi anda tidak biasa dengan gigi palsu, ataupun tidak sanggup mengisarkan gigi asli untuk membuat jambatan (ataupun tiada gigi lagi yang boleh dikisar) anda boleh mempertimbangkan implan.



Implan Titanium biasa.
Kos: RM 2700-5500
sebiji implan.

Melalui pembedahan kecil, satu atau lebih skru titanium dimasukkan dalam tulang. Setelah 3 hingga 6 bulan, sku tersebut menjadi teguh. Skru tersebut dianggap sebagai akar gigi, di atas akar ini boleh ditambah korona (kepala) gigi, jambatan ataupun gigi palsu dan sebagainya.

- ◆ Keabakan : lebih teguh, tahan lama.
- ◆ Keburukkan : Hanya boleh disiapkan dalam masa 3-6 bulan. Perlu pembedahan kecil. Kos lebih tinggi.



Implant Mini :

Khasnya untuk memegang gigi palsu bawah yang longgar. Lebih senang dibuat dan biasanya siap dalam masa satu jam. **Tidak perlu potong gusi.** Lebih murah tetapi tidak sekuat implan biasa.
Kos: >RM900-1200 sebiji implan.

Cara lain menggantikan gigi hilang

Orthodontik (Braces)- merapatkan gigi-gigi di sebelah celah dengan wayar.

Keabakan: memperbaiki gigi jam/sesak di tempat berdekatan. Cara ini baik untuk orang yang gigi jongagng ataupun gigi berlapis. Gigi akhir adalah gigi asli anda, bukan gigi buatan.

Keburukan: Masa lebih lama, kos lebih tinggi (RM1000-3800)

Walaubagaimanapun, dari segi fungsi, gigi palsu tidak sebaik gigi asli. Jadi jagalah gigi anda dengan baik. Memeriksa gigi secara berkala; mencuci dan menampal gigi untuk mengelakkan kerosakan gigi dan gusi. Cuba menyelamatkan gigi asli anda. Gigi tidak semestinya dicabut, walaupun tengah sakit. Jika terdapat sebarang keraguan, mintalah nasihat dari doktor anda.
*Semua kos adalah anggaran sahaja.